

PENGLIBATAN KETENTERAAN UTHMANIYYAH ERA MUSTAFA III (1757-1774) DALAM PERANG UTHMANIYYAH-RUSIA: SATU PEMERHATIAN AWAL

THE OTTOMAN MILITARY INVOLVEMENT DURING THE ERA OF MUSTAFA III (1757-1774) IN THE OTTOMAN-RUSSIAN WAR: A PRELIMINARY STUDY

Muhamad Hasanuddin Mohd Hatta¹

Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz²

Ezad Azraai Jamsari^{3*}

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari⁴

Anwar Muttaqin⁵

Md Yazid Ahmad⁶

Mohd Hafiz Safiai⁷

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: p117686@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: rajaimran@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor (E-mail: mozaha@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

⁶ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: yazid@ukm.edu.my)

⁷ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: hafizsafiai@ukm.edu.my)

*Corresponding author: ezad@ukm.edu.my

Article history

Received date : 3-4-2026

Revised date : 4-4-2026

Accepted date : 24-4-2026

Published date : 15-5-2026

To cite this document:

Mohd Hatta, M. H., Raja Abdul Aziz, R. M. I., Jamsari, E. A., Abul Hassan Ashari, M. Z., Muttaqin, A., Ahmad, M. Y., & Safiai, M. H. (2026). Penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III (1757-1774) dalam perang Uthmaniyyah-Rusia: Satu pemerhatian awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (82), 289-302.

Abstrak: *Penulisan ini memerikan perihal sejarah ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-18M, dengan tumpuan pada era pemerintahan Mustafa III (1757-1774). Kajian ini turut memaparkan aspek pemerihal Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774 yang berlaku semasa pemerintahan Mustafa III. Penulisan ini bertujuan untuk mengamati para pemerintah yang memerintah Kerajaan Uthmaniyyah pada abad ke-18M dan situasi pemerintahannya, di samping meneliti riwayat hidup dan sejarah pemerintahan Mustafa III dalam mentadbir Kerajaan Uthmaniyyah. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis penglibatan ketenteraan*

Uthmaniyyah era Mustafa III (1757-1774) dalam Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774. Keseluruhan penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber rujukan yang relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah. Dapatan kajian menghujahkan bahawa sorotan susastera bagi penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III (1757-1774) meliputi tiga tema penting, iaitu: (1) situasi Kerajaan Uthmaniyyah awal abad ke-18M; (2) riwayat hidup dan tadbir urus Mustafa III; dan (3) ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III dalam Perang Uthmaniyyah-Rusia. Kajian ini dapat memberi pendedahan dan kemudahan dalam pencarian sumber rujukan berkaitan sejarah ketenteraan Uthmaniyyah, khususnya pada zaman pemerintahan Mustafa III. Secara tidak langsung, kajian ini turut memartabatkan bidang sejarah ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III kepada khalayak peminat dan pengkaji bidang sejarah ketenteraan dan tamadun Islam di Malaysia khususnya dan juga di rantau Asia Tenggara umumnya.

Kata Kunci: *Ketenteraan Uthmaniyyah; Perang Uthmaniyyah-Rusia; Mustafa III; Sejarah Politik; Sejarah Ketenteraan*

Abstract: *This writing discusses the history of the Ottoman military in the eighteenth century, with particular emphasis on the reign of Mustafa III (1757–1774). The study also highlights the Ottoman-Russian War of 1768-1774, which took place during the reign of Mustafa III. This writing aims to examine the rulers who governed the Ottoman State during the eighteenth century and the circumstances surrounding their administrations, in addition to analysing the life and reign of Mustafa III in governing the Ottoman State. The study further seeks to analyse Ottoman military involvement during the era of Mustafa III (1757-1774) in the Ottoman-Russian War of 1768-1774. Overall, this study employs a qualitative research approach through a historical research design and content analysis. In terms of data collection methods, the research data were gathered through document analysis involving the examination of relevant reference sources. Meanwhile, for data analysis, the study applies both external and internal criticism approaches in accordance with historical methodology. The findings argue that the literature on Ottoman military involvement during the era of Mustafa III (1757–1774) encompasses three principal themes: (1) the condition of the Ottoman State in the early eighteenth century; (2) the life and governance of Mustafa III; and (3) the Ottoman military during the reign of Mustafa III in the Ottoman-Russian War. This study contributes to providing greater exposure and accessibility to reference materials related to Ottoman military history, particularly during the reign of Mustafa III. Indirectly, the study also elevates the field of Ottoman military history during the era of Mustafa III among enthusiasts and researchers of military history and Islamic civilisation, particularly in Malaysia and more broadly within the Southeast Asian region.*

Keywords: *Ottoman Military; Ottoman-Russian War; Mustafa III; Political History; Military History*

Pengenalan

Pada awal abad ke-18M, pemerintahan kerajaan diterajui oleh Ahmed III (1703-1730), Mahmud I (1730-1754) dan Osman III (1754-1757). Ahmed III merupakan pemerintah kerajaan Uthmaniyyah yang ke-23, baginda mula menaiki takhta pada awal abad ke-18M selepas penyerahan kuasa daripada abangnya, Mustafa II (1695-1703). Baginda menjadi pemerintah selama 27 tahun. Semasa pemerintahan Ahmed III, terdapat siri peperangan yang berlaku antara Kerajaan Uthmaniyyah dengan Rusia. Selain itu, Ahmed III pernah mengadakan hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan Eropah seperti England dan Perancis. Pada zaman pemerintahan Ahmed III, ia juga dikenali sebagai Era Tulip. Pada tahun 1730, Ahmed III menghadapi satu pemberontakan yang diketuai oleh Patrona Halil dan pemberontakan ini menyebabkan pergulingan terhadap Ahmed III (Haris, 2020).

Seterusnya, Mahmud I (1730-1754) merupakan pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah yang ke-24, mula memerintah pada tahun 1730 sehingga 1754. Pada zaman pemerintahan Mahmud I, baginda berjaya membunuh pemberontak yang menyebabkan berlakunya pergulingan terhadap Ahmed III pada tahun 1731. Pada tahun yang sama, baginda turut menghadapi peperangan dengan kerajaan Parsi dan peperangan tersebut diakhiri dengan perjanjian damai pada tahun 1732. Pada tahun 1736, baginda menghadapi peperangan dengan Rusia dan Austria dan kemudiannya peperangan ini turut diakhiri dengan perjanjian damai pada tahun 1739 oleh kerajaan Austria. Tidak cukup dengan peperangan dengan kerajaan Parsi pada tahun 1731, baginda sekali lagi menghadapi peperangan dengan kerajaan Parsi. Peperangan berakhir dengan perjanjian damai oleh kedua-dua belah pihak pada tahun 1746 (Haris, 2020). Pada tahun 1754, ia merupakan detik-detik kematian baginda. Pada tanggal 13 Disember 1754, Mahmud I meninggal dunia dan dimakamkan di Istanbul (Gulen, 2010).

Selepas Mahmud I meninggal dunia, baginda diganti oleh Osman III (1754-1757). Baginda merupakan pemerintah kerajaan Uthmaniyyah yang ke-25 dan mula menaiki takhta pada tahun 1754. Pemerintahannya tidak lama kerana baginda hanya memerintah sekitar tiga tahun sahaja. Sewaktu pemerintahannya, pentadbiran banyak dikendalikan oleh *grand vizier*, iaitu Koca Mehmet Ragip Pasha (Haris, 2020). Setelah kewafatan Osman III, pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah diterajui oleh Mustafa III (1757-1774). Baginda merupakan pemerintah kerajaan Uthmaniyyah yang ke-26. Baginda mula memerintah Kerajaan Uthmaniyyah pada 30 Oktober 1757 ketika umurnya berusia 40 tahun dan memerintah selama 27 tahun (Agoston & Master, 2009). Pada awal pemerintahan Mustafa III, Kerajaan Uthmaniyyah berada dalam keadaan aman dan tenteram. Hal ini disebabkan oleh *grand vizier* yang dilantik oleh Mustafa III, iaitu Koca Ragip Pasha ialah seorang yang bijak dan hebat dalam aspek pentadbiran. Semasa Ragip Pasha menjadi *grand vizier*, beliau sedaya upaya melakukan diplomasi untuk mengelakkan Kerajaan Uthmaniyyah daripada terjebak dalam mana-mana peperangan, khususnya *the seven years war* (1756-1763) yang melibatkan kuasa-kuasa Eropah (Gulen, 2010).

Sewaktu pemerintahan Mustafa III, baginda mempunyai idea-idea untuk mentransformasi wilayah Uthmaniyyah ke arah modenisasi. Mustafa III mempunyai dua projek yang ingin dilakukan, iaitu: menghubungkan Tasik Sapanca, yang terletak di sebelah timur Teluk Izmit, ke Laut Hitam serta membuka terusan di Suez. Walau bagaimanapun, projek-projek ini tidak pernah dilaksanakan kerana penentangan keras oleh kalangan pentadbir dan masyarakat tempatan Uthmaniyyah (Gulen, 2010). Pada tanggal 22 Mei 1766, iaitu ketika perayaan Aidil Adha sedang diraikan, terdapat gempa bumi yang melanda Istanbul. Gempa bumi ini menyebabkan berlaku kerosakan pada beberapa bangunan termasuk Masjid Fatih dan Bazar Besar. Oleh yang demikian, Mustafa III telah memerintahkan supaya mengeluarkan sejumlah

wang dengan jumlah yang sangat banyak untuk proses pemulihan terhadap bangunan-bangunan yang terkesan ini.

Pada tahun 1768, berlaku pula satu peperangan antara kerajaan Uthmaniyyah dan Rusia dan perang ini dinamakan sebagai *Russo-Turkish War 1768-1774* atau Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774 merupakan satu konflik perang yang berlaku antara dua kuasa besar, iaitu Kerajaan Uthmaniyyah yang diketuai oleh Mustafa III (1757-1774) dan kerajaan Rusia yang diketuai oleh Permaisuri Catherine II (1729-1796). Peperangan ini berpunca daripada campur tangan daripada kerajaan Rusia dalam urusan dalaman Poland yang mengakibatkan Kerajaan Uthmaniyyah mengisytiharkan perang terhadap mereka. Selain itu, Rusia memberi ancaman kepada wilayah Moldavia dan Crimea yang merupakan wilayah di bawah penguasaan Kerajaan Uthmaniyyah. Bukan itu sahaja, tentera Rusia juga telah melanggar sempadan wilayah Kerajaan Uthmaniyyah di Crimea sehinggakan membunuh dan membakar rumah-rumah penduduk di sana. Perkara ini akhirnya mendorong Mustafa III untuk mengisytiharkan perang terhadap pemerintahan Rusia (Davies, 2016).

Cakupan Holistik Kajian

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Davies (2016) yang berpendapat bahawa semasa pemerintahan Mustafa III, tentera Rusia telah melanggar sempadan wilayah Uthmaniyyah di Balta sekali gus melakukan kerosakan terhadap perkampungan yang terdapat di sana. Tindakan tentera Rusia ini telah menyebabkan Mustafa III mengisytiharkan perang terhadap Rusia. Beliau menjelaskan:

In the first months after the formation of the Bar Confederation the sultan had still balked at providing substantial support for the Confederates. His position was that the Porte “does not intend to intervene in the Confederates’ affairs, as all her actions are inclined only to the protection of her honor and security.” “A vagabond named Potocki came into the Sublime State’s protection with three to five hundred soldiers,” Ahmed Resmi Efendi wrote. “Those who escape the hands of an aggressive tyrant and seek refuge with another state bring ruin and misfortune because of their misdeeds, while those involved in this kind of patronage, inviting the enemy into their own territory, suffer distress and hardship.” But threats to the Porte’s frontier and the security of her Moldavian and Crimean vassals were another matter. The haidamak raids violating the Ottoman Empire’s borders would finally spur Sultan Mustafa III to declare war on Russia.

Selain itu, Aksan (2007) turut menyatakan pada tahun 1768, pertempuran Rusia-Poland-Cossack di sempadan wilayah Uthmaniyyah dijadikan alasan bagi Uthmaniyyah untuk kembali berperang melawan Catherine II *The Great*. Seterusnya, berdasarkan kenyataan Macdougall (2017: 271) yang berpendapat bahawa tentera laut yang mengetuai maritim Uthmaniyyah dikenali sebagai *Kapudan Paşa* atau Panglima Armada Laut adalah untuk menentukan strategi dan taktik, mentadbir tentera laut dan menyertai mesyuarat *Divân-i Hümayün*:

The reason the post was seen as appropriate for a bureaucrat rather than a serving naval officer was because it did not simply involve commanding the fleet at sea. This was certainly one of the duties, as was determining strategy and tactics, together with responsibility for procuring stores, administering the naval dockyards, and attending regular meetings of the Divân-i Hümayün, the governing executive council of the Ottoman Empire.

Kenyataan di atas menerangkan bahawa seorang Panglima Armada Laut dilantik sebagai ketua struktur perintah maritim Uthmaniyyah yang menjaga perairan Kerajaan Uthmaniyyah. Pada tahun 1770, Mandalzade Hüsameddin telah dilantik menjadi *Kapudan Paşa* dan beliau ditugaskan untuk menentukan strategi dan taktik tentera laut Uthmaniyyah, di samping bertanggungjawab terhadap perolehan simpanan dan lain-lain lagi. Selain itu, menurut Yener (2016), beliau menjelaskan tentera laut Uthmaniyyah memiliki dua armada, iaitu *Kebir Donanma* dan *Ince Donanma*. Setiap armada mempunyai tugas-tugas yang tersendiri:

When Catherine II's first Turkish War started in 1768 both the Imperial Russian and Ottoman navies possessed two very different types of fleets. The main fleet of the Ottoman naval establishment was the «Great Fleet» (Kebir Donanma), the high seas force composed of sailing warships armed with broadside artillery. The other force was known as the «Slim Fleet» (Ince Donanma), an amphibious element composed of light draft oared ships like galleys and gunboats. In both two Russo-Turkish wars, the safety and freedom of action for the amphibious forces depended on performance of the sailing fleet; therefore, in this section only the ships used by the «Great Fleet» will be described.

Kenyataan di atas membahaskan tentang penubuhan armada utama tentera laut Uthmaniyyah, iaitu *Kebir Donanma* dan *Ince Donanma*. *Kebir Donanma* merupakan pasukan laut yang terdiri daripada kapal perang belayar bersenjatakan artileri lebar, manakala *Ince Donanma* merupakan unsur amfibia yang terdiri daripada kapal dayung draf ringan seperti *galley* dan bot meriam. Akhir sekali, menurut Uyar dan Erikson (2009), beliau berpendapat bahawa Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774 menjadi titik tolak kepada Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengalami kekalahan dalam perang tersebut meskipun terdapat juga reformasi ketenteraan Uthmaniyyah yang baru dijalankan pada ketika itu:

The disastrous Ottoman-Russian War of 1768-1774 was not only a turning point for the empire but also for many reformers, including Ahmed Resmi. The war, in contrast to common perceptions, was forced upon the Ottomans by increasingly aggressive Russian incursions against Poland and the Crimea as well as by the hostile activities of warrior Tatar refugees. However, the period of long peace and further neglect of the standing corps had already taken its toll, and the absence of trained and experienced military leadership had spawned an ill-trained, ill-disciplined, and totally unreliable force. The Ottoman military was no match for the veteran Russian army of the Seven Years' War (1756-1763), which had mastered not only the effective use of fire and maneuver combinations of infantry and artillery but the spoiling raids of light cavalry.

Kenyataan di atas menjelaskan Ahmed Resmi Efendi merupakan seorang daripada penagak reformasi ketenteraan yang baharu semasa pemerintahan Mustafa III. Penulisan ini turut menjelaskan bahawa kekalahan tentera Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774 berpunca daripada perdamaian yang berpanjangan dan ketiadaan pemimpin tentera yang terlatih dan berpengalaman yang menyebabkan kekuatan tentera yang tidak terlatih, tidak berdisiplin dan tidak dapat dipercayai. Bukan itu sahaja, tentera Uthmaniyyah juga tidak dapat menandingi tentera veteran Rusia yang jauh lebih berpengalaman kerana pernah melibatkan mereka dalam *the Seven Years War* (1756-1763). Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengamati para pemerintah yang memerintah kerajaan Uthmaniyyah pada abad ke-18M dan situasi pemerintahannya, di samping meneliti riwayat hidup dan sejarah pemerintahan Mustafa

III dalam mentadbir Kerajaan Uthmaniyyah. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III (1757-1774) dalam Perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774. Keseluruhan penulisan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi kaedah pengumpulan data, maklumat kajian ini dikumpul menggunakan analisis dokumen dengan penelitian terhadap sumber-sumber rujukan yang relevan. Manakala bagi kaedah penganalisan data, kajian ini selanjutnya menggunakan pendekatan kritikan luaran dan dalaman bersesuaian dengan metode sejarah.

Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif. Kualitatif merupakan satu cara untuk mengkaji, mendalami dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dalam satu masalah atau fenomena manusia dan juga masyarakat. Perkataan kualitatif berasal daripada bahasa Inggeris, iaitu *quality*, bermaksud ciri-ciri sesuatu perkara yang sedang dikaji. Dalam kajian berbentuk kualitatif, seseorang penulis mendahulukan huraian ciri-ciri tentang gambaran suatu fenomena yang dikaji. Pendekatan kualitatif pula merupakan pendekatan yang menjawab antara kaitan pemboleh ubah dalam persekitaran kajian secara betul.

Reka Bentuk Kajian

(a) Kajian Sejarah. Kajian sejarah ialah suatu proses meneliti dan menganalisis maklumat secara kritis terhadap catatan dan peninggalan masa lampau melalui kronologinya yang tersendiri. Melalui metode ini, kajian ini mengumpulkan maklumat dan data berkaitan dengan situasi semasa pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah khususnya pada zaman Mustafa III, di samping meneliti elemen dan analisis penting berkaitan aspek ketenteraan semasa pemerintahan Mustafa III dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774

(b) Kajian Analisis Kandungan. Kaedah ini diadaptasi dalam kajian ini untuk menganalisis isi kandungan sumber-sumber primer dan sekunder yang tersurat dan 'dicerakinkan secara objektif serta sistematik' (anotasi) dalam menghasilkan kajian berkaitan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774. Kajian ini dihasilkan berdasarkan kata kunci: *Mustafa III, Russo-Ottoman War 1768-1774, Kagul Çeşme*, dengan merujuk beberapa sumber terpilih, sama ada primer mahupun sekunder. Berdasarkan data yang dikumpul, kajian telah diklasifikasikan seterusnya diberi anotasi pada maklumat yang berkaitan dengan tajuk penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Mustafa III dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774.

Pengumpulan Data

Kajian ini melaksanakan pengumpulan data, maklumat dan bahan yang terdapat di perpustakaan dan laman web untuk menjalankan kajian ini dengan baik. Bahan yang digunakan itu termasuk riwayat hidup dan latar belakang Mustafa III (1757-1774) dan perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774. Artikel jurnal, buku karya asli, prosiding, ensiklopedia, kertas kerja, disertasi dan tesis sarjana dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan untuk mengulas tajuk kajian secara lebih terperinci dan setiap maklumat tersebut adalah penting untuk dianalisis dan diisi dalam kajian ini. Antaranya ialah rujukan seperti: *'So complete was our victory! So complete their ruin!': An analysis of the battle of Çeşme, 1770* (MacDougall, 2017), *The Russo-Turkish War, 1768-1774: Catherine II and the Ottoman Empire* (Davies, 2016), kajian tesis sarjana *The Ottoman-Russian relations between the years 1774-1787* (Özer, 2008), *The deterioration of Ottoman administration in the light of the Ottoman-Russian War Of 1768-1774* (Bezikoğlu, 2001) dan *A Military History of the Ottomans* (Uyar & Erickson, 2009). Sumber-sumber yang dirujuk dalam proses pengumpulan data ini sebahagiannya diperoleh daripada

perpustakaan dan laman sesawang yang berautoriti. Antara perpustakaan dan laman sesawang yang diakses ialah seperti berikut: Z-Library: <https://z-lib.org/>, J-stor: <https://www.jstor.org/>, Pro-Quest: <https://www.proquest.com/>, <https://www.researchgate.net/> dan Erep UKM: <https://smk.ukm.my/erep/>.

Penganalisan Data

Bagi menetapkan ketepatan maklumat yang terdapat pada sumber dan bahan yang dirujuk, kajian ini melaksanakan kritikan sumber primer dan sekunder. Perkara ini dilihat amat signifikan bagi mengukuhkan setiap fakta dan data yang dimiliki dari pelbagai sumber. Selain itu, kritikan sumber bertujuan untuk memastikan kekuatan maklumat mengenai isi kandungan sumber, manakala kritikan luaran sumber dilakukan bagi mengesahkan ketaakulan sumber dari pelbagai aspek.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan tinjauan literatur, kajian ini membahagikan kepada tiga tema, iaitu: (1) Kerajaan Uthmaniyyah pada awal abad ke-18M.; (2) Riwayat hidup dan tadbir urus Mustafa III dalam kerajaan Uthmaniyyah; dan (3) Penglibatan kententeraan Uthmaniyyah era Mustafa III dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774.

Situasi Kerajaan Uthmaniyyah Awal Abad ke-18M

Pada awal abad ke-18M, kerajaan Uthmaniyyah diterajui oleh tiga orang pemerintah, iaitu Ahmed III, Mahmud I dan Osman III. Setiap pemerintah ini mempunyai tempoh pemerintahan dan mempunyai corak pemerintahan tersendiri. Menurut Agoston dan Master (2009) dalam ensiklopedia berjudul *Eyclopedia of the Ottoman Empire*, mereka menyatakan bahawa Ahmed III telah menggantikan tampuk pemerintahan abangnya, Mustafa II pada 21 Ogos 1703 selepas berlaku insiden Edirne. Insiden tersebut merupakan pemberontakan popular di Istanbul yang membawa kepada pergulingan Mustafa II. Pemerintahan Ahmed III terbahagi kepada dua fasa; (1) pada tahun 1703 hingga 1718; (2) tahun 1718-1730. Fasa pertama merupakan fasa pemulihan ketenteraman di Istanbul dan peperangan dengan Rusia, Venice, dan Habsburg manakala fasa kedua dikenali sebagai Era Tulip. Era Tulip merupakan zaman pemborosan dan penggunaan yang ketara oleh kerajaan Uthmaniyyah. Selain itu, era ini juga merupakan era kemasukan dan peminjaman budaya dari Timur dan Barat. Era tulip yang berakhir dengan satu pemberontakan besar di Istanbul dikenali sebagai Pemberontakan Patrona Halil 1730.

Selain itu, menurut Kirca (2010) dalam penulisannya berjudul, *The furious dogs of hell: Rebellion, janissaries and religion in sultanic legitimisation in The Ottoman Empire*, beliau menyatakan Ahmed III menghadapi satu cabaran besar di Istanbul, iaitu pemberontakan tentera Jannisari pada tahun 1730. Pemberontakan ini menunjukkan penentangan yang dipimpin oleh anggota Janisari terhadap Ahmed III dan *grand vizier* baginda, Damat Ibrahim Pasha. Pemberontakan ini diketuai oleh Patrona Halil yang merupakan salah seorang anggota tentera Janisari. Penentangan ini berlaku disebabkan oleh penentangan terhadap memodernisasikan Uthmaniyyah yang menampakkan jurang antara golongan bangsawan dan masyarakat biasa. Zaman ini dikenali sebagai era Tulip.

Kajian Keskiner (2012) berjudul, *Sultan Ahmed III (r.1703-1730) as a calligrapher and patron of calligraphy*, beliau menyatakan Ahmed III menaiki takhta semasa ketidakstabilan politik dan ekonomi. Tempoh ini dapat disaksikan peralihan kuasa yang kurang menyenangkan kerana berlaku selepas insiden Edirne. Semasa pemerintahan Ahmed III, ekonomi kerajaan Uthmaniyyah, yang berasaskan sistem fief dan sistem kententeraan klasik pada masa itu tidak

lagi berfungsi. Kerajaan Uthmaniyyah tidak dapat mengembalikan cita-cita empayarnya seperti ekonomi pada zaman pertengahannya. Malah, kor Janisari tentera Uthmaniyyah lebih banyak terlibat dalam perdagangan dan tidak mahu menghadiri kempen peperangan. Hal ini telah disadari oleh Ahmed III semasa berlaku campur tangan kor Janisari tentera Uthmaniyyah dalam politik kerajaan Uthmaniyyah ketika penggulingan Mustafa II pada tahun 1703. Kumpulan tentera ini yang dahulunya penting kepada kerajaan dan kini menjadi sebuah institusi yang membebaskan.

Pada tahun 1730, satu pemberontakan berlaku di Istanbul sehingga mengakibatkan penggulingan terhadap Ahmed III. Pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah diteruskan oleh Mahmud I yang menaiki takhta sebagai pemerintah kerajaan Uthmaniyyah yang ke-24. Menurut Somel (2010) dalam bukunya berjudul, *The A to Z of the Ottoman Empire*, beliau menyatakan bahawa Mahmud I merupakan anak kepada Mustafa II dan baginda menggantikan bapa saudara, Ahmed III. Mahmud I mula menaiki takhta setelah pemberontakan Patrona Halil pada 1730. Pada tahun pertama pemerintahannya, Mahmud I berjaya menyingkirkan para pemimpin pemberontakan. kemudiannya Mahmud I dan *grand vizier* baginda menumpukan perhatian pada perang dengan Iran. Pada tahun 1731, bahagian barat Iran ditakluk semula. Walaupun perjanjian pada tahun 1732 menjamin keuntungan Uthmaniyyah di utara Azerbaidjan, Daghestan, dan Georgia, peperangan baru berlaku pada tahun 1733 mengakibatkan penaklukan Iran di utara Iraq dan Kaukasus. Perjanjian Istanbul (1736) mengakui perbatasan yang diselesaikan sebelumnya oleh Perjanjian *Kasr-ı Şiri*.

Selepas kewafatan Mahmud I, pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah diteruskan oleh Osman III. Menurut Degil (2000) dalam bukunya bertajuk, *Osmanlı Padişahları Portreleri Biyografileri Tuğralarıyla* beliau menyatakan pemerintahan Osman III tidak begitu lama, iaitu selama dua tahun 10 bulan dan 18 hari sahaja. Sepanjang kehidupan Osman III, baginda banyak menghabiskan masanya dalam istana. Baginda dikatakan merupakan seorang yang mudah marah. Walau bagaimanapun, menurut catatan sejarah, baginda seorang yang penyayang, peramah dan benci kepada pembohongan dan rasuah. Osman III mula menjadi pemerintah pada usia 56 tahun. Sewaktu pemerintahannya, baginda sering menukar *grand vizier*. Baginda telah melantik sebanyak tujuh orang *grand vizier*. Sementara itu, terdapat beberapa insiden yang berlaku di Istanbul. Antaranya, terdapat dua kebakaran yang berlaku di Istanbul dan juga satu wabak penyakit epidemik yang menyerang Istanbul. Hal ini telah menyebabkan kerugian yang besar kepada Kerajaan Uthmaniyyah. Osman III meninggal dunia pada 30 Oktober 1757 wafat akibat daripada penyakit bisul pada badannya. Oleh kerana baginda tiada anak, tampuk pemerintahannya diserahkan kepada Mustafa III sebagai penerus legasi kerajaan Uthmaniyyah.

Riwayat Hidup dan Tadbir Urus Mustafa III

Selepas kewafatan Osman III, Mustafa III telah mengambil tampuk pemerintahan. Menurut Saydam et al. (2018) dalam bukunya bertajuk, *Osmanlılar 2: İslam Tarihi ve Medeniyeti 13*, mereka meyakini Mustafa III dilahirkan pada 28 Januari 1717 di Edirne. Baginda merupakan anak kepada Ahmed III dan Mihrisah Emine Sultan. Baginda mula menaiki takhta pada hari Isnin, tanggal 30 Oktober 1757 ketika umurnya berusia 41 tahun. Semasa pemerintahan Mustafa III, baginda melantik Koca Ragib Pasha sebagai *grand vizier* untuk melaksanakan tugas-tugas kerajaan. Hasil daripada pelantikan itu, beliau telah memudahkan kerja Mustafa III dan memberi sumbangan kepada kesinambungan dan keamanan kepada fasa pertama pemerintahan Mustafa III. Hal ini kerana beliau sangat cintakan keamanan.

Mustafa III dikurniakan enam orang anak, dua putera dan 4 puteri. Seorang daripadanya bernama Selim. Menurut Yunus (2014) dalam penulisannya berjudul, 'Pembaharuan ketenteraan Uthmaniyyah pada era pemerintahan Sultan Selim III (1789-1807M), beliau menyatakan Selim III merupakan anak kepada Mustafa III. Selim III dilahirkan di kota Istanbul pada 24 Disember 1761. Selim III ialah seorang yang bijaksana dalam istana kerajaan Uthmaniyyah. Mustafa III sangat yakin memberi sepenuh kepercayaan kepada puteranya bahawa puteranya akan menjadi seorang pemerintah yang berjaya suatu hari nanti. Tambahan pula, sejak kecil lagi, Selim III telah didedahkan oleh ayahnya tentang usaha pembaharuan sistem ketenteraan Uthmaniyyah yang merujuk kepada idea-idea kerajaan Barat. Selim III terkenal dengan gelaran *the Inspired* dan *the Lord of the World* kerana usahanya membentuk corak baru dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Pada 7 April 1789, Selim III mula menaiki takhta selepas kemangkatan bapa saudaranya Abdulhamid I. Selim III ketika itu hanya berusia 28 tahun. Selim III sangat terkenal dengan orang pertama yang meformasi ketenteraan Uthmaniyyah. Selim III telah memperkenalkan model tentera gaya barat yang baru yang dikenali sebagai *Nizam-i Cedid*. Selim III mangkat pada 28 Julai 1808 selepas dibunuh oleh penjaga sultan yang baru semasa rusuhan yang dikenali sebagai 'Insiden Alemdar Mustafa Pasha'. Selim III dimakamkan bersama makam bapanya, Mustafa III, berdekatan dengan Masjid Laleli.

Pada awal pemerintahan Mustafa III, baginda telah melantik Koca Ragip Pasha sebagai *grand vizier*. Menurut Arslanbenzer (2015) dalam artikelnya berjudul, *Great Ottoman that we neglect: Koca Ragip Pasha*, beliau menyatakan bahawa Koca Ragip Pasha dilahirkan pada tahun 1699 dan meninggal pada tahun 1763. Beliau merupakan seorang yang sangat sinonim pada watak abad ke-18M. Beliau merupakan seorang ahli politik dan ahli pemikir yang hebat ketika itu. Ragip Pasha sangat memainkan peranan penting dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Ragip Pasha terkenal dengan sifat bersungguh-sungguh dan juga sangat berhati-hati dalam sesuatu perkara. Beliau mempunyai bakat dalam hubungan diplomatik. Sebagai contoh Ragip Pasha berjaya mengadakan hubungan diplomatik dengan Iran dan Rusia. Bukan itu sahaja, isu dalaman seperti birokrasi kerajaan Uthmaniyyah juga beliau mampu menanganinya. Seteryanya, Ragip Pasha dibesarkan dengan keluarga yang berpendidikan. Ayahnya, Sevki Mehmed Efendi merupakan seorang pegawai Jabatan Tanah kerajaan Uthmaniyyah. Sekiranya kita menganggap bahawa ekonomi Uthmaniyyah dibangun di atas tanah dan pertanian, Ragip Pasha dilahirkan lebih dekat dengan pemerintah berbanding orang awam yang lain. Oleh disebabkan itu, beliau telah menghabiskan 64 tahun hidupnya dalam pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah.

Semasa pemerintahan Mustafa III, baginda telah melakukan beberapa perubahan dan transformasi dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah. Karya Arslan (2011) dalam karyanya, *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah*, beliau mencerakinkan baginda telah memulakan langkah dalam melakukan pembaharuan terhadap pentadbirannya. Perkara pertama yang menjadi perhatian adalah memperbaharui hal-hal berkaitan kewangan. Baginda telah juga melakukan pengawalan terhadap pungutan, dan mengikuti dasar penyimpanan harta terutamanya di istana kerajaan. Mustafa III telah mengambil pengurusan wakaf dari istana Agha dan diserahkan kepada Koca Ragib Pasha untuk membina kuari kebersihan demi mencegah wabak penyakit. Baginda juga melakukan tranformasi yang lain seperti membina sebuah perpustakaan yang besar di Istanbul. Selain itu, Mustafa III juga berniat untuk membuka terusan di Anatolia yang terletak Sungai Sakarya, iaitu dari sebuah tasik yang terletak di antara Sakarya dan Iznik. Tujuannya adalah untuk memudahkan pengangkutan gandum dan makanan. Walau bagaimanapun, Mustafa III wafat sebelum dapat melakukan idea yang baik ini.

Terdapat beberapa sumbangan yang telah dilaksanakan oleh Mustafa III. Sebuah karya Gulen (2010) berjudul, *The Ottoman Sultans: Mighty Guests of the Throne*, mencerakinkan tentang sumbangan Mustafa III sepanjang pemerintahannya. Terdapat dua projek yang ingin dilaksanakan oleh Mustafa III. Baginda ingin menghubungkan Sungai Sapanca yang terletak di Timur Teluk Izmit kepada Laut Hitam serta untuk membuka terusan di Suez. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh tentangan oleh orang awam. Selain itu, baginda turut membina dua buah masjid, iaitu Masjid Ayazma dan Masjid Laleli. Pembinaan Masjid Ayazma ini turut dikenali sebagai Masjid Mihirah kerana baginda ingin memperingati ibunya, Mihirah Emine Sultan dan abangnya bernama Suleyman, manakala Masjid Laleli pula memberi penghormatan kepada Laleli Baba merupakan seorang ulama yang amat dihormati oleh pemerintah. Di samping itu, baginda turut memulihkan wilayah Istanbul akibat daripada gempa bumi yang berlaku pada tahun 1766. Pemulihan ini membelanjakan kos yang besar, iaitu sebanyak 22,000 beg syiling emas. Gempa ini telah memberi kerosakan kepada beberapa bangunan penting seperti Masjid al-Fatih dan juga Masjid Eyüp Sultan. Menurut Erşan (2015) dalam penulisannya berjudul, *A comparative of the results of two earthquakes: Istanbul and Lisbon earthquake in 18th century*, beliau menyatakan bahawa gempa bumi yang menimpa Istanbul berlaku pada 22 Mei 1766 telah menyebabkan kerosakan dan kemushanan beberapa buah bangunan. Di Istanbul, kawasan ini mempunyai populasi kira-kira sebanyak 600,000 penduduk dan 4,000 hingga 5,000 daripadanya terkorban.

Terdapat tiga *han* (atau *khan*) yang dibina pada zaman pemerintahan Mustafa III dan *khan* ini dibina bertujuan untuk meningkatkan ekonomi Kerajaan Uthmaniyyah ketika itu. Menurut Yaşar (2018) dalam artikelnya bertajuk *The construction of commercial space in eighteenth-century Istanbul: The case of Büyük Yeni Han*, beliau menyatakan Mustafa III menugaskan pembinaan tiga *han* di bahagian berlainan di Istanbul. Dua *han* pertama merujuk kepada *Büyük Yeni Han* dan *Küçük Yeni Han* yang dibina di atas Tanjakan Çakmakçılar. Pembinaan kedua-dua *khan* ini telah siap pada penghujung tahun 1763. Daripada keduanya, *Küçük Yeni Han* dibina dalam bentuk struktur tiga tingkat di atas tanah 1790 *zira* *'-i terbi* ' atau kira-kira 1028m². Struktur ini ialah *khan* komersial bersaiz sederhana yang mempunyai 14 bilik, tandas dan bilik berkubah di setiap tingkat dengan jumlah 42 bilik, dengan 6 kedai tambahan di *Çakmakçılar Ramp*. Ia mungkin telah siap menjelang akhir tahun 1763; *gediks* untuk bilik *han* mula diberikan pada Disember 1763. *Han* ketiga yang dibina oleh Mustafa III ialah *Taş Han* yang dibina di kawasan Pelabuhan Istanbul, di luar Bahçekapı. *Han* tersebut dibina di luar Bahçekapı di atas tanah seluas 970 *zira* *'-i terbi* ' atau kira-kira 557m² dalam bentuk struktur dua tingkat dengan 15 bilik dan dua bilik kecil di tingkat atas, 6 bilik berkubah. bilik di tingkat bawah, 11 kedai dan kedai roti *francala* yang membuka ke jalan utama.

Beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh Mustafa III seperti pemberontakan Ali Bey di Mesir. Menurut Charles-Roux (1995) dalam penulisan berjudul, *The Russian occupations of Beirut*, beliau menyatakan pada abad ke-18M, kekuasaan kerajaan Uthmaniyyah mula lemah. Perkara ini dilihat apabila pengunduran tentera Uthmaniyyah di sempadan utara sebelum berperang dengan Austria dan Rusia. Sejak awal lagi, kuasa Eropah mula menunjukkan kemajuannya di bahagian utara dan pemberontakan berlaku di kawasan di bahagian selatan seakan-akan berkait rapat pada tahap-tahap tertentu. Pada tahun 1768, perkara ini dilihat semakin jelas dan nyata. Pemberontakan ini bermula pada tahun 1768 apabila Ali Bey mengisytiharkan kemerdekaan terhadap wilayah Mesir daripada kerajaan Uthmaniyyah. Ali Bey sangat berkuasa di Mesir ketika itu. Beliau mengambil kesempatan terhadap peperangan Rusia-Turki (1768-1774) melakukan perkara tersebut. Pada tahun yang sama, Ali Bey telah menyatakan pengisytiharan kemerdekaan terhadap wilayah Mesir. Beliau telah berhenti

membayar pajak kepada kerajaan Uthmaniyyah. Bukan itu sahaja, Ali Bey juga telah menamatkan kedaulatan Mustafa III dengan memerintahkan nama Mustafa III dihapuskan dalam khutbah Jumaat dan membuat syiling menggunakan namanya.

Kententeraan Uthmaniyyah Era Mustafa III dalam Perang Uthmaniyyah-Rusia

Sejarah awal bertembungan antara kerajaan Uthmaniyyah dan Rusia bermula pada abad ke-16M. Menurut Martin dan Martin (1993) dalam karya mereka bertajuk, *Medival Russia, 980-1584*, mereka mencerakinkan bertembungan pertama antara kerajaan Uthmaniyyah dan Rusia adalah pada abad ke-16M, iaitu pada 1568 hingga 1571. Pertembungan ini berlaku semasa pemerintahan Selim II (1566-1574). Peperangan ini berlaku di wilayah Astrakhan berikutan daripada penawanan wilayah Astrakhan oleh Ivan IV *The Terible* (1547-1575) pada tahun 1556. Selepas berjaya menawan Astrakhan, beliau membina kubu baru di bukit curam yang menghadap ke Volga. Di samping itu, menurut Stone (2006), beliau menyatakan penaklukan Rusia terhadap wilayah Kazan merupakan suatu kejayaan bagi Ivan IV kerana wilayah tersebut merupakan sembilan wilayah terpenting bagi Rusia. Kemudiannya mengembangkan wilayah kekuasaannya di ke muara sungai di Caspia di Astrakhan. Tentera Rusia mengembara dari Volga ke Astrakhan. Beliau mendapatkan kerjasama dari puak nomad Nogai. Pada tahun 1556, ekspedisi kedua dijalankan oleh tentera Rusia ke Astrakhan untuk menerapkan peraturan Rusia secara kekal.

Menurut Stone (2006) dalam bukunya berjudul, *A Military History of Russia: From Ivan The Terrible to the War in Chechnya*, beliau menyatakan Perang Kagul 1770 merupakan satu siri peperangan di antara kerajaan Uthmaniyyah dan Rusia. Ianya berlaku pada 1 Ogos 1770 di Sungai Kagul. Tentera Rusia yang diketuai oleh Rumiantsev bertemu dengan pasukan utama tentera Uthmaniyyah di Sungai Kagul (Kartal), di utara Sungai Danube pada 21 Julai atau 1 Ogos 1770. Jumlah tentera Rusia ketika itu hanyalah seramai 40,000 orang tentera manakala tentera Uthmaniyyah pula seramai 150,000 orang tentera. Tentera Uthmaniyyah sangat ramai berbanding tentera Rusia. Sungguhpun begitu, Rumiantsev yakin bahawa beliau sangat mengalahkan tentera Uthmaniyyah. Beliau telah menggunakan taktik menyerang dengan harapan dapat mengalahkan tentera Uthmaniyyah sebelum kedatangan tentera tambahan berkuda daripada Tatar. Rumiantsev melancarkan serangan bahagian hadapan di kem tentera Uthmaniyyah pada awal pagi. Kemudiannya, beliau menguatkan tentera di bahagian sayap kanan untuk menggerakkan tentera Uthmaniyyah ke sebelah kiri. Namun, terdapat serangan balas yang dilakukan oleh tentera pejalan kaki Janisari yang telah menyebabkan pusat barisan tentera Rusia hancur dan farmasi tentera Rusia berlubang seketika.

Seterusnya, dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774, perang Kagul merupakan titik tolak kepada kekalahan tentera Uthmaniyyah terhadap tentera Rusia. Menurut Özer (2008) dalam tesis beliau berjudul, *The Ottoman-Russian relations between the years 1774-1787*, beliau menyatakan Perang Kagul berlaku pada 1 Ogos 1770. Perang ini merupakan satu daripada titik perubahan perang yang penting. Pasukan Uthmaniyyah yang mempunyai kelebihan dari aspek jumlah tentera namun tidak dapat menguasai pasukan Field-Marshal Rumiantsev yang jauh lebih sedikit tetapi berdisiplin. Halil Pasha, *grand vizier* ketika itu telah mengarahkan tenteranya melakukan persiapan pertahanan bagi melawan Rusia. Walau bagaimanapun, cara tersebut telah memberi ruang kepada Rusia untuk berkumpul semula dan menyerang tentera Uthmaniyyah dengan senjata artileri. Akibatnya, tentera Uthmaniyyah telah kalah dan sebanyak 30,000 tentera yang terkorban.

Selain perang Kagul 1770, perang *Çeşme* 1770 turut menjadi tumpuan dalam peperangan ini. Menurut Davies (2016), beliau menyatakan pada 11 Jun 1770, armada Rusia telah bergerak dari Milos melintasi Aegea menuju ke Paros di Cyclades untuk mencari armada Uthmaniyyah. Orlov kemudiannya menerima laporan bahawa armada Uthmaniyyah telah melalui Paros tiga hari yang lalu. Armada Uthmaniyyah kini berada di antara Pulau Chios dan dataran Anatolia. Beliau mendapati armada Uthmaniyyah mempunyai jumlah kapal perang yang banyak berbanding mereka, iaitu 16 buah kapal garisan, enam frigat, dan lima puluh brigantin dan xebec. Tiga daripada kapal garisan ini mempunyai 80 hingga 90 senjata dan kru seramai 800 hingga 900 orang. Seterusnya, tujuh daripadanya pula mempunyai 70 buah senapang dan enam yang lain mempunyai 60 buah senapang. Jumlah kekuatan armada Uthmaniyyah di Chios melebihi 14,000 orang dan 1,430 senjata.

Kekalahan kerajaan Uthmaniyyah dalam perang Uthmaniyyah-Rusia 1768-1774 telah memaksa mereka untuk menandatangani perjanjian damai terhadap Rusia. Menurut Mikaberidze (2011) dalam buku berjudul, *Conflict and Conquest in The Islamic World: A Historical Encyclopedia*, Perjanjian *Küçük Kaynarca* ditandatangani di desa Kuchuk Kainardji, di Bulgaria pada 21 Julai 1774. Perjanjian ini mempunyai 28 fasal awam dan dua fasal rahsia. Menurut Boltunova (2019) pula dalam penulisan bertajuk, *War, peace, and territory in late eighteenth-century Russian outdoor performances*, beliau menyatakan Perjanjian *Küçük Kaynarca* ditandatangani pada 10 Julai 1774 di antara kerajaan Uthmaniyyah dan Rusia. Di bawah tekanan Rusia, Abdulhamid I (1774-1789) yang merupakan pengganti kepada Mustafa III terpaksa mengakui kemerdekaan ke atas wilayah Crimea.

Kesimpulan

Penulisan ini merumuskan pemerihaln terhadap sumber-sumber penting sesuatu isu dalam bidang sejarah dan tamadun Islam, termasuk aspek ketenteraan Uthmaniyyah pada zaman pemerintahan Mustafa III adalah amat relevan. Selain itu, penumpuan kajian seumpamanya dalam cakupan ketenteraan Uthmaniyyah khususnya pada era pemerintahan Mustafa III masih belum dijalankan, khasnya di Malaysia. Hal ini demikian kerana penonjolan sumber berkaitan ketenteraan Uthmaniyyah pada zaman pemerintahan Mustafa III ini perlu dilihat dan diangkat sebagai sebuah kajian yang berwewenang, sekali gus penganalisan sedemikian berupaya mencerahkan lagi bentuk pemahaman dalam bidang sejarah dan tamadun Islam itu sendiri, khususnya berkenaan ketenteraan Uthmaniyyah ini yang menjadi topik perbahasan yang penting. Cabaran pemerolehan sumber yang terhad kepada bahan berbahasa Inggeris dan Arab semata memerlukan prakarsa menyeluruh oleh seluruh pengkaji bidang ini di Malaysia agar kebenaran dan kepentingan berkaitan ketenteraan Uthmaniyyah pada zaman pemeritahan Mustafa III dapat diuar-uarkan kepada khalayak ramai.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Universiti Penyelidikan, Fakulti Pengajian Islam: GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

References

- Agoston, G. & Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File, Inc. An Imprint of Infobase Publishing
- Arslan, A. S. (2011). *Tarikh al-Dawlah al-Uthmaniyyah*. Bayrut: Dar Ibn Kathir.
- Arslanbenzer, H. (2015). The great Ottoman that we neglect: Koca Ragip Pasha. <http://www.raillife.com.tr/en/the-great-ottoman-that-we-neglect-kocaragip-pasha/> [akses 1 Jun 2022].
- Bezikoğlu, M. (2001). The deterioration of Ottoman administration in the light of the Ottoman-Russian War of 1768-1774. Tesis Sarjana. The Institute of Economics and Social Sciences, Bilkent University
- Boltunova, E. (2019). War, peace, and territory in late eighteenth-century Russian outdoor performances. Dlm. Penskaya, E. & Küpper, J. (pnyt.). *Theater as Metaphor*, hlm. 133-142. Berlin: De Gryuter.
- Charles-Roux. (1955). The Russian occupations of Beirut, 1772-74. *Journal of the Royal Central Asian Society*, 42(3-4), 275-286.
- Davies, B. L. (2016). *The Russo-Turkish War 1768-1774: Catherine and the Ottoman Empire*. London: Bloomsbury Academic.
- Degil, B. (2000). *Osmanlı Padişahları Portreleri Biyografileri Tuğralarıyla*. Ankara: Ankara Büyükşehir Belediyesi.
- Erşan, S. (2015). A comparative of the results of two earthquakes: Istanbul and Lisbon earthquake in 18th Century. *Proceedings of the 2nd International Conference on Historic Earthquake-Resistant Timber Frames in the Mediterranean Region H.Ea.R.T. 2015*, hlm 1-10.
- Gulen, S. (2010). *The Ottoman Sultan Mighty Guests of The Throne*. Terj. Sahin, E. New York: Blue Dome Press.
- Haris, A. H. (2020). Sejarah kerajaan Turki Uthmaniyah dan sumbangannya dalam bidang sosiopolitik abad ke-14M hingga abad ke-20M. *Journal of al-Tamadun*, 15(1), 85-107.
- Keskiner, P. B. (2013). Sultan Ahmed III (r.1703-1730) as a calligrapher and patron of calligraphy. Tesis PhD. SOAS, University of London.
- Kirca, U. D. (2010). 'The furious dogs of hell': Rebellion, janissaries and religion in sultanic legitimisation in the Ottoman Empire. Tesis Sarjana. Sosyal Bilimler Enstitüsü, İstanbul Bilgi Üniversitesi.
- MacDougall, P. (2017). 'So complete was our victory! So complete their ruin!': An analysis of the battle of Çeşme, 1770. *The Mariner's Mirror*, 103(3), 264-281.
- Martin, J. L. B. & Martin J. D. (1995). *Medieval Russia, 980-1584*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mikaberidze, A. (2011). *Conflict and Conquest in The Islamic World: A Historical Encyclopedia*. Washington: Library of Congress Cataloging.
- Özer, A. (2008). The Ottoman-Russian relations between the years 1774- 1787. Tesis Sarjana. Department of International Relations Bilkent University, Ankara
- Saydam, A., Ozcan, B., Kirpik, C., Kucuk, C., Saricoglu, F., Severcan, S., Kurt, Y. & Ozkan, S. H. (2018). *Osmanlılar 2: İslam Tarihi ve Medeniyeti 13*. İstanbul: Siyer Yayinlari.
- Somel, S. A. (2010). *The A to Z of the Ottoman Empire*. Lanham: Scarecrow Press, Inc.
- Stone, D. (2006). *A Military History of Russia: From Ivan the Terrible to the War in Chechnya*. London: Praeger.
- Uyar, M. & Erickson, J. E. (2009). *A Military History of The Ottomans: From Osman to Ataturk*. New York: Praeger Security International.
- Yaşar, A. (2018). The construction of commercial space in eighteenth-century Istanbul: The case of Büyük Yeni Han. *Metu JFA*, 35(1), 183-200.

- Yener, E. (2016). Ottoman seapower and naval technology during Catherine II's Turkish wars 1768-1792. *International Naval Journal*, 9(1), 4-15.
- Yunus, M. Y. M. (2014). Pembaharuan ketenteraan 'Uthmaniyyah pada era pemerintahan Sultan Selim III (1789-1807M). Tesis Sajrana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.